

Sesi libat urus bersama peniaga dalam masa terdekat

Kuala Lumpur: Sesi libat urus lanjutan bersama peniaga susulan projek naik taraf infrastruktur di Desa Pandan akan diadakan dalam masa terdekat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa, berkata sesi libat urus yang membabitkan kementerian itu bersama sembilan peniaga terbabit akan membincangkan penempatan semula mereka yang terkesan akibat kerja naik taraf di kawasan berkenaan.

“Insya-Allah dalam bulan ini kita akan bertemu lagi dengan mereka untuk berbincang mengenai lokasi penempatan baharu. Ini sebahagian daripada inisiatif ‘Lestari Niaga’ yang sedang dilaksanakan di Kuala Lumpur.

“Sebahagian peniaga sudah bersetuju, namun ada juga yang belum bersetuju. Oleh itu, sesi libat urus seterusnya penting bagi mencapai persetujuan bersama dan mempercepat pelaksanaan projek pelebaran jalan

yang sangat penting untuk kemudahan orang ramai,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Peluncuran Projek Kepimpinan Perubahan Iklim dan Tenaga Hijau (IKLIM) Peringkat Wilayah Persekutuan 2025, di sini semalam.

Dr Zaliha berkata, sesi libat urus terdahulu diadakan sejak November 2024 dan diteruskan pada Januari lalu, termasuk pemberian notis pengosongan

kepada peniaga di kawasan berkenaan.

Beliau turut mengarahkan Jabatan Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk segera mengadakan pertemuan dengan peniaga terbabit serta memberikan pilihan tempat yang sesuai.

“Jadi saya kira mereka tidak perlu bimbang tentang perkara ini. Kita akan bantu menyediakan kemudahan bagi membolehkan mereka terus berniaga,” katanya.

Sebelum ini, DBKL memaklumkan kerja perobohan struktur di Jalan 2/76, Desa Pandan, yang dijadual pada 15 Julai lalu, terpaksa ditangguhkan susulan kekecohan yang berlaku di tapak operasi.

Projek naik taraf sebahagian daripada usaha berterusan pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam meningkatkan kemudahan infrastruktur serta melancarkan aliran trafik, demi keselesaan dan keselamatan warga kota.

BERNAMA